

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**

**TARIKH : 11.6.2015**

**SOALAN :**

**Dr. Ismail bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan menyegerakan penstrukturan KPM, JPN, PPD seperti dalam agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dengan mewujudkan jawatan hakiki di semua peringkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penstrukturan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah selesai dan kini sedang dalam penelitian akhir peringkat Jawatankuasa sebelum dipanjangkan kepada agensi pusat untuk kelulusan.

Semua aspek keperluan perjawatan termasuk jawatan hakiki telah diambil kira berdasarkan kepentingan dan keperluan sesuatu jawatan. Jika tiada sebarang masalah berbangkit, penstrukturan baharu KPM, JPN dan PPD dijangka akan dilaksanakan mulai tahun 2016.

RJM84